

PENGUMUMAN

PERHATIAN KEPADA

PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA & DIPLOMA PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER II SESI 2023/2024

Sukacita dimaklumkan tarikh baharu Pendaftaran Kursus secara *online* seperti berikut :

PERKARA	TARIKH	MINGGU
Prapendaftaran kursus lewat (Denda RM100) <i>Application For Late Pre-Registration (Penalty RM100)</i>	17 Mac 2024 – 28 Mac 2024 (2 minggu)	Minggu 2 – 3
Tambah/Gugur Kursus Add/Drop		
Pengesahan Daftar Kursus secara Atas Talian <i>Web Based Course Validation</i>		
Pendaftaran Kursus Lewat / Penambahan Kursus Lewat (Denda RM100/Kursus) <i>Application For Late Pre-Registration (Penalty RM100/Course)</i>		

PERHATIAN:

Prapendaftaran Kursus

1. Prapendaftaran kursus secara 'online' tidak dibenar menggunakan telefon pintar.
2. Bayaran **DENDA** dikenakan sebanyak **RM100.00** bagi pelajar yang **TIDAK MEMBUAT PRAPENDAFTARAN KURSUS** dan bayaran denda dibuat kepada Bendahari UniSZA (FPX-Portal Pelajar/JomPAY/ATM-Biller Code 22475)
3. Sebarang kesilapan prapendaftaran kursus adalah tanggungjawab pelajar.
4. Pelajar dikehendaki '**SAVE & PRINT**' slip semasa prapendaftaran untuk semakan.
5. Bayaran **DENDA** dikenakan sebanyak **RM100.00/KURSUS** bagi pendaftaran kursus lewat dan penambahan kursus pada minggu ke-3 sehingga minggu ke-14 dengan kelulusan Dekan fakulti dan bayaran denda dibuat kepada Bendahari UniSZA.

Pendaftaran Kursus Yang Telah Dibuat Akan Terbatalkan Sekiranya

1. Pelajar yang mempunyai hutang tertunggak dari semester sebelumnya tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus semester berikutnya. Pelajar perlu menjelaskan semua hutang tertunggak/ memohon penangguhan yuran dengan pihak Bendahari sebelum Minggu tambah/ gugur berakhir.
2. Pelajar yang mendapat PNGK <2.5, Perlu mendapatkan konsultasi daripada Penasihat Akademik dalam tempoh minggu tambah/gugur.

Pengesahan

1. Mohon semak dengan teliti sebelum membuat pengesahan.
2. Pelajar **DIWAJIBKAN** mencetak slip pengesahan daftar kursus sehingga hari terakhir minggu kedua.

Peraturan Akademik Berkaitan

1. Sekiranya pihak pentadbiran tidak menerima apa-apa makluman dari pelajar dalam masa empat (4) minggu selepas tarikh permulaan semester, pelajar dikira telah menarik diri daripada semester (**TANGGUH PENGAJIAN**).
2. Kegagalan pelajar untuk mendaftar kursus bagi dua semester berturut-turut boleh mengakibatkan status pengajian pelajar sebagai **HENTI SENDIRI (HS)**.

Jika pelajar menghadapi sebarang masalah berkaitan pendaftaran kursus sila laporkan kepada pihak kami melalui talian 09-6687665/09-6687617/09-6687814 atau datang ke kaunter akademik dengan segera.

DARIPADA
PUSAT PENGURUSAN KECERLANGAN DAN INOVASI AKADEMIK
UniSZA